

PM janji hukuman setimpal untuk penembak MH17
Free Malaysia Today
Sept 28, 2016

Malaysia akan bermesyuarat dengan Belanda dan Australia membincangkan langkah selanjutnya

WISMAR: Malaysia mahu tindakan tegas diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab menembak jatuh pesawat Malaysia Airlines MH17, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

“Pasukan siasatan bersama telah membuat kesimpulan bahawa MH17 ditembak jatuh menggunakan peluru berpandu buatan Rusia dan tembakan itu dilepaskan dari kawasan yang dikuasai pemberontak.

“Berdasarkan 2 dapatan ini, Malaysia mahu tindakan tegas diambil. Kami telah berjanji bahawa pihak yang bertanggungjawab menembak jatuh pesawat ini akan dibawa ke muka pengadilan,” katanya kepada media Malaysia di sini hari ini.

“Ini janji kami kepada keluarga. Keluarga mahu keadilan. Maka kami akan mengusahakannya,” katanya.

Malaysia, katanya, akan mengadakan mesyuarat bersama-sama dengan Belanda dan Australia untuk membincangkan langkah selanjutnya.

“Kami perlu pastikan bahawa pihak yang bertanggungjawab itu mendapat hukuman setimpal,” katanya.

MH17 ditembak jatuh di wilayah Donetsk, timur Ukraine pada 17 Julai 2014, mengorbankan kesemua 298 penumpang dan anak kapal, termasuk 44 rakyat Malaysia.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/09/28/pm-janji-hukuman-setimpal-untuk-penembak-mh17/>